

Pasangan Gold Diamond
Hermes Amir
Mariani Deocampo

雙鶴 SHUANG HOR



GOLD DIAMOND
RENCANA KHAS
April 2021



Mariani Deocampo

Hermes Amir



Perkembangan di Shuang Hor:

25hb Julai 2018: Menyertai Shuang Hor
September 2018: Vice Manager
Oktober 2018: Senior Vice Manager
November 2018: Special Vice Manager
April 2019: Diamond
Ogos 2019: Double Diamond
Januari 2020: Triple Diamond
Februari 2020: Gold Diamond

Tempat tinggal semasa: Kota Kinabalu, Sabah





Adakah anda percaya kepada kebolehjadian keajaiban yang anda saksikan di hadapan mata? Dalam kehidupan sehari-hari kita memang tidak mungkin dapat menyaksikan keajaiban, kerana ia dianggap mustahil berlaku, dan di luar jangkauan kita. Meskipun demikian, kami dengan bangganya ingin memperkenalkan satu-satunya pasangan dalam Shuang Hor yang telah berjaya mengharungi segala rintangan dan halangan bersama titisan peluh, darah dan air mata, menggunakan masa yang paling singkat untuk mencapai batu penanda mereka: Hermes Amir dan Mariani Deocampo.

Sebelum mengikuti kisah mereka, anda semua mungkin menganggap perjalanan mereka di Shuang Hor adalah bersandarkan nasib semata-mata, ataupun lancar sepanjang jalan, tetapi sesungguhnya ia merupakan satu siri cabaran yang datang satu demi satu. Pasangan Gold Diamond yang baru dinobatkan ini berasal dari Sabah, mereka telah membuktikan kepada kita betapa melalui cara melangkuai kecemerlangan dan maju ke hadapan, keajaiban boleh berlaku kepada orang biasa seperti mereka!



Keajaiban ialah Jelmaan Usaha Keras, Juga Kehidupan Penguasaan Sendiri

Sebagai orang Sabah, sejak kali pertama menyertai Shuang Hor sebagai ahli pada Ogos 2018, pasangan Hermes Amir dan Mariani Deocampo terus maju dengan pantas. Bersandarkan usaha gigih yang kental, mereka berjaya mencapai status Vice Manager dalam masa dua bulan, kemudian mencapai Diamond dalam masa 9 bulan, dan 10 bulan kemudian terus melonjak 3 tangga untuk mencapai Gold Diamond. Sepanjang proses ini mereka hanya mengambil masa 1 tahun 7 bulan untuk mencapai status tertinggi di Shuang Hor yang diimpikan semua orang – Gold Diamond! Malah telah mencipta rekod pencapaian Gold Diamond yang terpantas dalam sejarah Shuang Hor!

Berkenaan dengan mereka berjaya mencapai status Gold Diamond dalam masa yang singkat, dengan gembiranya pasangan ini mengatakan: "Keputusan ini tidak pernah kami jangkakan, selama ini kami hanya ingin merealisasikan kehidupan tanpa hutang, menikmati kebebasan kewangan dan masa, itu sahaja!" Setelah pasangan ini dapat membuka kunci Diamond, mereka percaya ini disebabkan oleh mereka menghulurkan bantuan kepada orang yang mempunyai impian seperti mereka tanpa syarat, maka Tuhan memberkati mereka. Oleh itu, apabila mereka terus memberikan bantuan kepada orang lain, tidak disangka pula mereka telah berada di kedudukan yang paling tinggi dalam perniagaan Shuang Hor dalam masa yang singkat.

"Cara yang terbaik untuk meramal masa depan adalah dengan menciptanya."

— Abraham Lincoln



Sebelum menyertai Shuang Hor, Hermes ialah seorang kakitangan awam sementara Mariani pula mengusahakan perniagaan sendiri, demi menghadapi cabaran kehidupan dan kewangan, mereka pernah cuba menyertai tidak terkira banyaknya syarikat jualan langsung. Kerana mereka amat percaya bahawa perniagaan jualan langsung boleh membawa mereka keluar daripada kesusahan kewangan, maka mereka mengusahakan setiap perniagaan jualan langsung yang disertai dengan sepenuh hati, tetapi sayang, semuanya berakhir dengan kegagalan.

Kerana mereka amat percaya bahawa perniagaan jualan langsung boleh membawa mereka keluar daripada kesusahan kewangan, mereka sangat aktif menyertai jualan langsung dan perniagaan yang berkaitan dengannya. Walaupun mereka telah mengalami banyak kali kegagalan sepanjang mereka mengusahakan perniagaan jualan langsung, mereka tetap berpegang pada kepercayaan mereka terhadap jualan langsung. Mereka tidak henti-henti mencari peluang perniagaan di syarikat jualan langsung yang berbeza. Setelah beberapa tahun berlalu, mereka akhirnya menjumpai Shuang Hor! Setelah mereka menemui Shuang Hor, barulah dengan rasminya membuka laluan yang memandu mereka ke arah Gold Diamond yang berkilau!

Meskipun telah banyak kali mengalami kegagalan, pasangan Gold Diamond Hermes dan Mariani amat bersyukur kerana mereka tetap tidak menyerah kalah, sehingga akhirnya mereka menyertai Shuang Hor! Mereka menjelaskan bahawa kejayaan mereka mencapai status Gold Diamond dalam masa yang singkat sesungguhnya tidak menggunakan sebarang "alat pemacu" atau kaedah yang istimewa untuk membuka kunci kejayaan, mereka hanya mengikut prinsip asas perniagaan Shuang Hor, iaitu berkongsi pengetahuan yang diperoleh mereka secara terbuka, tidak terhad kepada ahli pasukannya sahaja.

Ada satu ungkapan yang sentiasa terpahat di hati pasangan Gold Diamond Hermes dan Mariani, iaitu ungkapan terkenal Gurbaksh Chahal: "Jika anda pasti dengan apa yang anda inginkan, usah tunggu lagi, ajarlah diri anda supaya jangan bersabar." Mereka berpendapat bahawa ungkapan ini sangat secocok dengan keadaan mereka.

"Kami tidak mengikut model asal Pelan Pemasaran Kopi 111 tetapi melakukan lebih daripada yang dicadangkan. Selain minum lebih daripada 1 kotak CEO Cafe setiap bulan, kami juga mendampingi ramai orang untuk belanja mereka minum kopi." Setelah mengamalkan kaedah ini selama 6 bulan secara berterusan, mereka berjaya mencapai status Diamond!

Dengan senyum, mereka berkata: "Berikutnya ramai orang yang tidak sabar seperti kami menyertai barisan ini, bilangan ahli pasukan kami bertambah dengan pantas seperti api yang sedang marak, ini secara tidak langsung telah menyemarakkan semangat setiap orang supaya berjuang demi kehidupan yang lebih baik." Bersandarkan momentum ini, setiap orang dengan sendirinya pasti dapat mendaki puncak jaya pada masa akan

datang yang terdekat. "Inilah hasil orang Borneo kita yang tidak sabar." Kata pasangan ini dengan penuh keghairahan.



Walaupun kedengarannya perkara ini seperti sangat mudah, tetapi dalam merealisasikannya, sambil bercakap sambil buat akan menjadi lebih mudah. Hari demi hari menggunakan kaedah ini berulang kali, selepas satu tempoh masa, pasangan ini dapat menyebarkan kebijaksanaan diri serta memberikan inspirasi kepada orang lain. Seperti kata Steve Jobs, "Jika anda perhatikan secara teliti, sebahagian besar kejayaan semalam sesungguhnya mengambil masa yang lama."

Oleh yang demikian, kejayaan mereka boleh dikatakan bukan diraih dalam semalam, ia pasti memerlukan masa dan kesabaran untuk menguasai dan menaklukinya. Walaupun mereka boleh dikatakan mempunyai kubu yang kuat dalam asas perniagaan, dan sudah pun memperoleh kejayaan, tetapi jika tidak dapat berkongsi dengan orang lain, maka kejayaan mereka tidak akan dapat dimaksimumkan nilainya.

"Walaupun kami telah mencapai kejayaan yang tertinggi di Shuang Hor, tetapi jika tanpa ahli keluarga lain dalam perniagaan Shuang Hor, maka saat yang hebat ini akan kelihatan tidak bermakna langsung." Mereka berpendapat bahawa tidak ragu-ragu lagi Gold Diamond ialah satu gelaran bertaraf istana, tetapi tanggungjawab untuk membantu downline adalah lebih penting lagi.

"Kejayaan tidak boleh diukur dengan pencapaian tertentu seorang individu, tetapi sebanyak mana kesusahan dan rintangan yang telah diatasnya dalam proses pencapaian kejayaan itu."

— Booker T. Washington



"Kejayaan kelihatannya berkait rapat dengan tindakan. Orang yang berjaya sentiasa maju ke hadapan. Mereka mungkin melakukan kesilapan tetapi mereka tidak pernah mundur."

— Conrad Hilton



Pasangan Gold Diamond Hermes dan Mariani berkata: "Meskipun kami dinobatkan gelaran Gold Diamond, sesungguhnya semua ini ialah berkat bantuan ahli rangkaian yang membantu kami mencapai impian. Kerjasama berpasukan, syarikat Shuang Hor dan produk Shuang Hor yang cemerlang ialah gabungan yang sempurna, membolehkan kami berada di kedudukan pada hari ini!"

Selaras mencapai Gold Diamond, mereka tidak pernah mengubah kaedah menguruskan perniagaan Shuang Hor, masih lagi berulang kali mengadakan perjumpaan di rumah, mengadakan sesi latihan secara peribadi kepada ahli, juga ke Semenanjung Malaysia untuk mengembangkan peta perniagaan mereka. Mereka memupuk hubungan yang baik dengan ahli-ahli, juga memainkan peranan sebagai pemangkin dan pendorong untuk terus memotivasi downline.

Impian mereka ialah: "Sebagai Gold Diamond, tanggungjawab kami adalah bersama-sama syarikat Shuang Hor merealisasikan impian lebih banyak orang; membolehkan mereka memiliki kesihatan, kekayaan dan kejayaan!"

**"Apabila kita memandang
ke abad akan datang,
pemimpin adalah mereka yang
memperkasakan orang lain."**

— Bill Gates.

Perniagaan Shuang Hor membolehkan pasangan Gold Diamond Hermes dan Mariani memperoleh saat-saat bahagia:

Dari segi masa— — Memiliki lebih banyak masa untuk menemanai anak, suami-isteri berpeluang menghadapi susah senang bersama-sama, berganding bahu mengurangkan beban keluarga;

Dari segi kesihatan— — Produk Shuang Hor membolehkan badan menghasilkan daya keimunan, dapat menentang penyakit dan sebarang risiko kesihatan;

Dari segi kekayaan— — Mencapai kehidupan baharu yang terjamin dan bebas hutang.

Asas kukuh syarikat Shuang Hor di pasaran, ditambah pula dengan Pelan Pemasaran dan Produk Shuang Hor yang berkesan, semua ini menjadi daya tarikan utama kepada pasangan Gold Diamond Hermes dan Mariani mengusahakan perniagaan Shuang Hor.

Jim Rohn berkata: "Jika anda tidak sudi mengambil risiko, maka anda terpaksa menerima yang biasa." Walaupun kehidupan yang biasa pun bagus tetapi matlamat pasangan Gold Diamond kita adalah menjalani kehidupan yang luar biasa bersama keluarga, oleh yang demikian apabila mereka dikurniakan peluang untuk memperoleh kejayaan yang lebih besar, mereka pasti tidak akan berkompromi dengan yang biasa. Mereka mengakui, jika pada mulanya mereka tidak berani mencuba dan meneroka perniagaan Shuang Hor, dan bersungguh-sungguh mengusahakannya, maka tentulah mereka tidak dapat menikmati kehidupan yang lumayan dan gilang-gemilang sekarang.

"Sebelum meletusnya pandemik Covid-19, kami sekeluarga amat bertuah dapat melancong ke Jepun sebagai ganjaran kepada kejayaan kami mencapai Gold Diamond. Yang paling membahagiakan dalam perjalanan itu ialah kami tidak perlu risau tentang had dan batas kewangan, ini juga membuktikan bahawa masalah kewangan tidak lagi membenggu kami seperti pada masa yang lepas." Mereka mengatakan bahawa kebebasan kewangan ialah impian mereka selama ini, dan ini juga merupakan kebaikan yang paling utama menyertai Shuang Hor, syarikat Shuang Hor membolehkan mereka mengubah impian menjadi kenyataan.

**"Usah biarkan usaha anda mencari nafkah
menghalang anda mencipta kehidupan."**

— John Wooden



Cabaran ada di mana-mana, begitu juga dengan kejayaan. Meskipun perniagaan Shuang Hor sangat mudah dan lurus, tetapi mungkin pelan perniagaan bernali jutaan ringgit kedengarannya terlalu mudah menyebabkan orang kurang keyakinan terhadap Pelan Pemasaran Kopi 111. Sebagai contoh kejayaan Pelan Pemasaran Kopi 111, pasangan Gold Diamond Hermes dan Mariani akan kekal menjadi testimonial hidup yang nyata, terus berkongsi kelebihan produk Shuang Hor, pelan pemasaran dan testimonial.

Dengan yakin sekali mereka berkata, "Kami boleh berjaya kerana kami telah mengenal pasti [BIG WHY] dalam perniagaan Shuang Hor. Sebab utama kami mengikut perjalanan ini adalah kerana keluarga dan ikatan kami dengan TEAM 769 serta kepercayaan orang ramai terhadap Shuang Hor. Asalkan dapat bertahan dengan [BIG WHY], kita pasti dapat melepas setiap halangan dengan tabah, tidak akan mengalihkan perhatian akibat terganggu oleh perkara yang remeh temeh, membahayakan segala yang kita peroleh dengan usaha gigih!"

Mereka ingin mengesyorkan perniagaan Shuang Hor kepada mereka yang sama-sama berani mengejar impian seperti mereka; asalkan mereka sanggup menyumbangkan usaha, kebijaksanaan dan keberanian, maka perkara yang menyusahkan kehidupan yang dijalani mereka akan kurang satu demi satu setiap hari.

"Sebab pertama orang gagal kerana mereka dengar cakap kawan, keluarga dan jiran."
— Napoleon Hill

Pentingnya Nilai Teras

Walaupun telah menjadi pemimpin Syarikat yang diakui orang ramai, pasangan Gold Diamond Hermes dan Mariani tidak pernah berasa lebih tinggi daripada orang lain. "Jika semua perkara dilakukan mengikut hasrat kita semata-mata, dan hanya memikirkan kepentingan diri, maka "Gold Diamond" akan menjadi kejayaan mementingkan diri yang kosong. Kami percaya kepada Hukum Karma, anda akan peroleh apa yang anda sumbangkan."

Mereka mengatakan bahawa tidak kira pada bila-bila masa pun, kita perlu mengekalkan integriti, kejujuran dan keikhlasan dalam tindakan dan membuat keputusan. Tidak kira dalam hal peribadi atau perniagaan, kita perlu bersabar dan bekerja bersungguh-sungguh, kerana ini ialah nilai teras yang memimpin kita melangkah ke arah puncak jaya.

Jika anda bertanya kepada mereka masihkah ada ruang untuk penambahbaikan? Jawapan mereka adalah: "Tentulah ada, ilmu pengetahuan itu tiada batasannya, asalkan dalam lingkungan kemampuan, kami akan berusaha sedaya upaya untuk belajar, terutamanya yang berkaitan dengan Shuang Hor dan produknya." Mereka mengatakan, walaupun telah berjaya menguasai Pelan Pemasaran ini secara mahir, namun ia masih ada ruang untuk belajar, dan pengetahuan ini akan membawa faedah yang besar kepada mereka pada masa akan datang.

Saat yang Paling Sukar Dilupakan

Secara berterus terang pasangan Gold Diamond Hermes dan Mariani berkata, Shuang Hor semestinya titik perubahan kehidupan mereka! Pada tahun 2019, pengalaman diiktiraf sebagai Double Diamond di atas pentas Majlis Anugerah Diamond Shuang Hor ialah pengalaman yang paling sukar dilupakan. Sebagai pasangan pertama dari Sabah yang dinobatkan status Double Diamond, mereka berdiri di atas pentas, mewakili rangkaian TEAM 769 milik mereka, saat itu mereka berasa paling bangga dan gembira!

"Sejak dua tahun yang lalu, kami telah memupuk ramai VM, SVM dan SPVM dalam rangkaian kami. Antaranya ada dua pasangan yang sangat membanggakan kami; mereka ialah pasangan Double Diamond Stephen Michael dan Annie Entanak dari Sabah, dan pasangan Double Diamond Angeline Lee Song Mei dan Wong Pak Woon dari Sarawak. Menyaksikan mereka mencapai kedudukan pada hari ini, perasaan kami seperti ibu bapa yang berasa teramat bangga dengan pencapaian anak-anak mereka." Ujar mereka dengan perasaan penuh bangga.

Selain itu, pelancongan ke Busan, Korea selatan yang ditaja oleh syarikat Shuang Hor juga meninggalkan kenangan yang mendalam kepada mereka. Selain dapat berkenalan dengan ramai pemimpin yang menyemarakkan semangat, mereka juga berharap agar dapat menyertai pelancongan ganjaran oleh Syarikat bersama-sama dengan ahli rangkaian mereka pada masa akan datang.



Terima Kasih kerana Menemani Kami Sepanjang Jalan di Shuang Hor

Kejayaan pasangan Gold Diamond Hermes dan Mariani mewakili setiap orang yang pernah berjalan bersama mereka dalam kehidupan; setiap orang mewakili satu keping gambar susun suai, apabila dicantumkan kepingan-kepingan kecil itu akhirnya akan menghasilkan sekeping gambar besar yang cantik, yang juga telah meletakkan asas pencapaian Gold Diamond pasangan ini pada hari ini.

Mereka berkata: "Pertama-tamanya, segala puji dan syukur kepada Tuhan atas kurniaan rahmat, kebijaksanaan dan kekuatan, membolehkan kami mempunyai impian untuk mengubah nasib hidup. Terima kasih kepada semua upline kami, termasuk upline langsung kami Special Vice Manager Raymond Chin, upline Special Vice Manager Bruce Goh dan juga upline dari Singapura Double Diamond Gan Yee Sim, galakan dan sokongan yang berterusan daripada mereka adalah salah satu sebab utama yang menyebabkan kami menaruh kepercayaan terhadap perniagaan Shuang Hor."

Mereka juga amat berterima kasih kepada ahli rangkaian TEAM 769 yang memberikan kepercayaan kepada mereka selama ini dan menyertai mereka untuk sama-sama berjuang, dan juga pemimpin istimewa yang menjadi suri teladan rangkaian, pasangan Double Diamond Stephen Michael dan Annie Entanak serta pasangan Double Diamond Angeline Lee Song Mei dan Wong Pak Woon.

"Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu-ibu dan juga anak-anak atas sokongan dan doa kalian; anak perempuan sulung kami, Maegan, anak perempuan bongsu kami Kim dan Hollie. Tanpa kewujudan keluarga dan anak-anak, kami tidak mungkin dapat mencapai kejayaan seperti hari ini." Mereka ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga sekali lagi kepada semua orang; terima kasih, terima kasih, terima kasih, dan ini adalah perasaan rasa terhutang budi yang lahir dari lubuk hati yang menyayangi mereka!

Selain itu, pasangan Gold Diamond Hermes dan Mariani juga ingin mengucapkan terima kasih kepada diri yang bersusah payah berjuang selama ini. Terima kasih kepada ketabahan dan kecekalan diri, tidak kira telah berapa kali menghadapi penolakan, mereka tetap percaya bahawa Pelan Pemasaran boleh mengubah kehidupan masa akan datang, dan pencapaian gemilang Gold Diamond ialah lambang buah manis yang terhasil daripada usaha gigih pasangan ini!

Gold Diamond Mariani Deocampo juga sangat berterima kasih kepada suaminya Gold Diamond Hermes Amir yang selalu membancuh secawan CEO Cafe untuknya tatkala beliau sedang berasa serabut dengan kerja, malah suaminya turut mengingatkan beliau supaya mengambil Yung Kien Ganoderma dan Pollen untuk mengekalkan kesihatan badan.

"Terima kasih kerana menjadi pasangan hidup saya, memberikan kehangatan ketika saya kesejukan, memarahi saya kerana tidak sampai hati melihat saya bekerja lebih masa. Walaupun pada masa itu kami merasakan status Gold Diamond begitu jauh daripada jangkauan kami, tetapi kepercayaan suami terhadap impian saya tidak pernah berhenti. Yang paling penting, terima kasih kerana sudi menemani saya mengharungi kehidupan yang penuh cabaran dan risiko. Biar kita terus berganding tangan, merealisasikan lebih banyak impian bersama Shuang Hor!" beliau berkata dengan beremosi sekali.

Pasangan Gold Diamond Hermes dan Mariani mengatakan bahawa perkataan [Abundance] cukup menggambarkan pencapaian mereka di Shuang Hor. Mereka menyatakan bahawa perniagaan Shuang Hor membolehkan kehidupan mereka jauh lebih baik daripada bila-bila masa sebelum ini, mereka juga berasa amat bertuah dapat memiliki sebuah rangkaian hebat seperti TEAM 769, semua ini adalah bukti sebuah kehidupan yang makmur.



Di dalam dunia ini hanya ada satu jenis kejayaan, iaitu menjalani kehidupan yang kita sukai. Walaupun kita akan menghadapi banyak pilihan yang berbeza dalam kehidupan, tetapi kalau anda telah membuat pilihan dan cekal mempertahankannya, Cahaya Gemilang milik anda pasti akan menyinari tubuh anda suatu hari nanti; pasangan Gold Diamond Hermes dan Mariani memilih Shuang Hor kerana percaya kepada Shuang Hor, mereka cekal dan tabah berkongsi CEO Cafe kepada orang di sekeliling mereka, selangkah demi selangkah menapakkan sebuah pemandangan yang paling makmur milik mereka sendiri!

**"Asalkan anda percaya, ia akan menjadi nyata.
Kami adalah bukti terbaik dan hasil Pelan
Pemasaran Kopi 111. Kami telah menurap jalan
ke Gold Diamond. Jika orang biasa seperti kami
dapat melakukannya, anda pasti boleh juga.
Anda hanya perlu mematuhi Sistem Shuang Hor
dan Pelan Pemasaran, pada masa yang sesuai
anda akan menjadi Diamond yang seterusnya."**

— Gold Diamond

